

# Undang-undang Pentadbiran Harta Wakaf Di Malaysia

Suwaid Tapah

## Abstract

*The article tries to give a picture of how Wakaf estates are managed in Malaysia. The discussion also covers the regulations in letting out estates for Wakaf as practised by various entrusted bodies.*

## Pendahuluan

Amalan mewakafkan harta memang dituntut oleh Islam. Ia memainkan peranan mendidik jiwa individu muslim untuk melakukan pengorbanan dalam bentuk material kepada orang lain secara berkekalan. Sungguhpun al-Quran tidak menyebut secara langsung tentang wakaf tetapi tuntutan melakukan bakti dan kebajikan memang diperuntukkan secara jelas.<sup>1</sup>

Walau bagaimanapun tuntutan mengorbankan harta ini memang disebut secara nyata oleh Rasulullah (s. 'a.w) sebagai amal jariah.<sup>2</sup> Oleh itu, amalan mewakafkan harta dianggap sebagai sedekah dimana ganjaran pahala akan berterusan sekalipun orang yang mewakafkan itu meninggal dunia.

Di Malaysia, harta wakaf memainkan peranan penting dalam membangunkan

ekonomi umat Islam. Kesedaran tentang peri pentingnya harta wakaf itu dibangunkan sejajar dengan pensyariatkan wakaf itu telah mula dirasai. Misalnya Kamarudin Ngah dalam buku beliau *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, cuba mengupas isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan tanah wakaf. Ini termasuklah kuasa-kuasa institusi yang mentadbir harta ini, masalah-masalah pentadbiran dan pengurusan, undang-undang yang berkaitan, penyertaan awam dan sebagainya.<sup>3</sup>

Sebenarnya perwakafan harta telahpun diterima oleh masyarakat Melayu di negara ini sejak dari kedatangan agama Islam lagi. Cuma pemahaman mereka ini tentang keperluan wakaf barangkali tidak begitu jelas seperti yang dikehendaki oleh ajaran Islam. Ini jelas berlaku di kalangan masyarakat Islam apabila kecenderungan mewakafkan harta-harta yang terhad manfaatnya dan sukar ditadbir oleh pihak tertentu.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun, urusan harta wakaf di negara ini telah dikanunkan. Artikel ini cuba menjelaskan secara umum kedudukan harta-harta wakaf yang diperuntukkan di dalam enakmen-enakmen negeri.

### **Tafsiran Wakaf**

Semua negeri di Malaysia kecuali Johor tidak mentakrifkan wakaf. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978<sup>5</sup> mentakrifkan wakaf sebagai pemberian yang berkekalan di atas harta atau sebahagian daripadanya oleh tuan punya harta itu kerana maksud agama mengikut Hukum Syarak. Walau bagaimanapun di negeri-negeri lain definisi yang diperuntukkan ialah tentang Wakaf Am dan Wakaf Khas. Wakaf Am ditafsirkan sebagai wakaf yang memberi manfaat kepada orang ramai atau pihak-pihak lain, atau wakaf kekal ke atas harta benda yang tidak boleh di ubahpindah, yang dimiliki dengan amanah untuk tujuan-tujuan agama atau khairat menurut Hukum Syarak.

Manakala Wakaf Khas pula ditafsirkan sebagai wakaf yang memberi manfaat kepada seseorang atau pihak tertentu,<sup>6</sup> atau suatu wakaf yang kekal di atas modal bagi harta benda kerana maksud agama atau kebajikan menurut Hukum Syarak. Pendapatan daripadanya dibayar kepada orang-orang atau bagi maksud yang ditetapkan di dalam wakaf itu.<sup>7</sup>

Berdasarkan kepada tafsiran tersebut, jelaslah bahawa perwakafan merujuk kepada harta atau barang yang diwakafkan bagi kepentingan atau manfaat umum atau khusus berdasarkan kepada ketetapan Hukum Syarak.

### **Majlis Agama Islam Sebagai Pemegang Amanah**

Majlis-majlis Agama Islam telah ditubuhkan di setiap negeri melalui enakmen pentadbiran Hukum Syarak yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing. Bagaimana pun di Wilayah Persekutuan ia diluluskan oleh Parlimen. Majlis-majlis Agama Islam berfungsi menasihati Sultan atau Yang Di-Pertuan Agung dalam menjalankan tugasnya sebagai ketua agama Islam dalam negeri masing-masing.<sup>8</sup>

Oleh kerana pentadbiran harta wakaf dianggap sebagai urusan agama maka pentadbirannya diletakkan di bawah bidangkuasa kerajaan-kerajaan Negeri.<sup>9</sup>

Oleh itu, Majlis-majlis Agama Islam diperuntukkan di dalam enakmen-enakmen negeri sebagai pemegang amanah tunggal bagi seluruh harta wakaf di dalam negeri masing-masing. Majlis berfungsi mentadbir dan menjalankan sebarang kegiatan bagi pembangunan harta ini untuk manfaat orang-orang Islam.<sup>10</sup> Bagi tujuan-tujuan tersebut Nazir-nazir Khas telah dilantik untuk mengelola harta-harta wakaf berkenaan.

Bagi melicinkan dan memudahkan pengurusan dan pentadbiran Majlis, harta-harta yang menjadi wakaf Am hendaklah terlebih dahulu didaftarkan di bawah undang-undang bertulis. Walau bagaimanapun, semua harta yang menjadi harta wakaf, sekalipun tidak dibuat penyerahan secara langsung, akan terserah hak harta itu kepada Majlis.<sup>11</sup> Di Johor, harta yang diwakafkan hendaklah diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan Negeri sebagai harta wakaf di bawah pentadbiran Majlis Agama.<sup>12</sup> Umumnya enakmen-enakmen negeri memperuntukkan bahawa Majlis diberi kuasa mengelola semua harta wakaf untuk tujuan pembangunan ekonomi umat Islam mengikut syarat-syarat dan tujuan perwakafan itu.<sup>13</sup>

Sebagai pemegang amanah harta wakaf, Majlis Agama berhak memegang semua suratcara dan dokumen hakmilik yang berkaitan dengan harta ini.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun sekiranya terdapat sebarang kesamaran atau keraguan dalam suratcara wakaf, Majlis akan merujuk kes tersebut kepada Mufti<sup>15</sup> atau Jawatankuasa Fatwa<sup>16</sup> dan akan bertindak menurut pendapat Mufti atau jawatankuasa itu. Sesetengah negeri merujuk kepada Jawatankuasa Ulangbicara<sup>17</sup> atau Mahkamah Tinggi Syariah.<sup>18</sup>

Sungguhpun Majlis diperuntukkan sebagai pemegang amanah tunggal terhadap harta wakaf, namun dari segi praktiknya harta-harta ini tertakluk kepada akta yang dibuat oleh Parlimen. Akta Kawalan Sewa 1966 memperuntukkan semua bangunan Majlis Agama Islam (termasuk harta wakaf) tidak terkecuali daripada akta ini di bawah "Premis Terkawal".<sup>19</sup> Akta ini juga mentafsirkan "Pihak Berkuasa Tempatan" (Local Authority) sebagai "a Municipality, Town Council, Town Board or Rural Board"<sup>20</sup> dan tidak termasuk Majlis Agama Islam Negeri. Begitu juga Akta Kerajaan Tempatan<sup>21</sup> mentafsirkan "Pihak Berkuasa Tempatan" sebagai "City Council, Municipal Council or District Council". Implikasi dari pemakaian akta-akta ini ialah Majlis Agama Islam tidak mempunyai kuasa selaku tuan tanah/bangunan untuk menaikkan kadar sewa. Sebaliknya Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengeneipkan kuasa Majlis Agama meskipun Majlis Agama sebagai pemegang amanah tunggal. Ini kerana kebanyakan harta Majlis termasuk tanah wakaf diperolehi sebelum 31 Januari 1948. Majlis juga tidak mempunyai kuasa untuk menaikkan kadar sewa ke atas semua bangunan (termasuk bangunan wakaf) yang siap sebelum tarikh tersebut.

Adalah wajar tafsiran Pihak Berkuasa Tempatan termasuk juga Majlis Agama Islam Negeri. Begitu juga dalam Akta Kerajaan Tempatan dalam seksyen 134 perlu mengambilkira kedudukan harta-harta Majlis termasuk harta wakaf untuk dikecualikan daripada cukai kerana harta-harta yang ditadbirkan termasuk di dalam urusan-urusan yang dianggap keagamaan.

## Baitulmal Sebagai Penyimpan Harta Wakaf

Menurut konsep sebenar penubuhan Baitulmal adalah sebagai institusi pengumpulan (perbendaharaan) harta negara. Walau bagaimanapun, di negara ini konsep dan fungsinya amat terbatas kepada sumber-sumber atau hasil-hasil yang dianggap bersifat agama seperti kutipan zakat fitrah, harta tercicir ataupun harta berbentuk amanah seperti harta wakaf, wasiat, sedekah dan lain-lain.

Dalam enakmen-enakmen pentadbiran agama Islam negeri, lazimnya semua pendapatan termasuk pendapatan yang diterima daripada wakaf dan nazar hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Baitulmal di dalam akaun yang berasingan daripada akaun zakat fitrah,<sup>22</sup> atau di bawah satu Kumpulanwang Amanah Wakaf.<sup>23</sup>

### Pengurusan Harta Wakaf

Dalam mengendalikan urusan pentadbiran harta wakaf, kebanyakan enakmen negeri tidak memperuntukkan secara khusus. Lazimnya kuasa pegawai yang mengendalikan urusan harta wakaf adalah terhad kerana ia diletakkan di bawah bahagian Baitulmal. Walau bagaimanapun sesetengah negeri telah membuat kaedah atau peraturan untuk mentadbir harta ini. Di negeri Johor misalnya, ada mempunyai "Kaedah-kaedah Wakaf Johor 1983" yang memperuntukkan secara khusus tentang fungsi dan tanggungjawab pegawai-pegawai yang menjalankan urusan pentadbiran harta ini. Pengelola Wakaf Negeri<sup>24</sup> bertanggungjawab dalam mentadbir semua perkara yang berkaitan dengan wakaf yang ada di negeri ini. Pengelola Wakaf Negeri pula dibantu oleh Nazir Wakaf Negeri.<sup>25</sup>

Selain dari itu diwujudkan jawatan Pegawai Wakaf Negeri yang juga seorang Pegawai Agama yang dilantik oleh Majlis. Beliau bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja wakaf di negeri ini dan melaksanakan arahan-arahan Majlis, Jawatankuasa Wakaf dan Nazir Wakaf. Sementara itu di peringkat daerah dilantik Nazir-nazir Wakaf Daerah yang bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja wakaf daerah di samping beberapa orang Pemeriksa Wakaf yang bertanggungjawab menyiasat harta-harta wakaf.

Pada hakikatnya, Nazir-nazir memainkan peranan penting dalam menentukan pengurusan dan pembangunan harta-harta wakaf. Ini termasuk menjaga dan menunaikan wasiat pewakaf serta memungut sebarang hasil yang diperolehi dari tanah-tanah wakaf di bawah jagaan masing-masing dan diagihkan kepada penerima wakaf di samping memastikan tidak ada sebarang penyelewengan dalam urusan-urusan terhadapnya menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Majlis.

### Prosedur Perwakafan

Umumnya, mana-mana individu yang ingin mewakafkan sesuatu harta perlu

mengemukakan satu permohonan kepada Majlis Agama Islam di negeri masing-masing melalui Nazir-nazir Wakaf Daerah dengan menyebut tujuan wakaf itu diwujudkan. Harta-harta yang dibenarkan untuk diwakafkan secara wasiat adalah tidak lebih daripada satu pertiga.<sup>26</sup>

Kebanyakan enakmen negeri memperuntukkan semua harta yang diwakafkan itu disimpan di dalam Buku Daftar yang disimpan oleh Majlis.<sup>27</sup> Sebelum pendaftaran dibuat, ikrar perlu dibuat oleh pewakaf di hadapan dua orang saksi atau di hadapan Kadi. Borang ikrar yang telah diisi hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Tanah Negeri (bagi harta tak alih) di samping mengisi borang pindah milik kepada Majlis Agama Islam. Pendaftaran hendaklah dibuat di atas nama Majlis.<sup>28</sup>

Peraturan ini dibuat ialah bagi memastikan Majlis mentadbir harta-harta wakaf itu sah menurut undang-undang.

Di Johor, semua dokumen yang berkaitan dengan perwakafan hendaklah dibuat di hadapan Kadi atau disaksikan oleh dua orang saksi yang layak menurut Hukum Syarak. Seorang Kadi juga mempunyai kuasa untuk menentukan samada harta itu dianggap menjadi harta wakaf atau sebaliknya.<sup>29</sup>

Sebarang harta yang diwakafkan hendaklah diisytiharkan di dalam Warta Kerajaan Negeri. Harta-harta itu dikecualikan daripada cukai yang lazimnya dikenakan di bawah Undang-undang Tanah dan Majlis Perbandaran.<sup>30</sup>

Kebanyakan negeri mempunyai peruntukan yang serupa tentang pengesahan wakaf khas. Di negeri Pahang dan Selangor, mana-mana wakaf khas yang dibuat oleh pewakaf adalah sah setelah mendapat perkenan Sultan atas nasihat Majlis. Kalau wakaf khas itu dibuat semasa pembuat wakaf sakit tenat misalnya, pewakaf mestilah membuat dokumen bertulis tentang wakafnya dengan disaksikan oleh dua orang Islam dewasa yang tinggal di kariah yang sama dengan pembuat wakaf.<sup>31</sup> Ada sedikit perbezaan tentang pengesahan wakaf khas di antara negeri-negeri. Di Perak, setelah wakaf khas itu disahkan oleh dua orang saksi Islam yang layak menurut Hukum Syarak, hendaklah disahkan pula oleh Mahkamah.<sup>32</sup>

Manakala di Sabah, sesuatu perwakafan itu hendaklah disahkan oleh Yang di-Pertua Negeri atau dua orang saksi Islam.<sup>33</sup> Di Kedah dan Perlis, pengesahan wakaf khas boleh dibuat oleh Sultan secara bertulis atau disaksikan oleh dua orang muslim di mana salah seorang mestilah berjawatan Penghulu atau Pegawai Masjid, dan sekiranya keduanya tidak ada seorang lelaki muslim dari kariah si pewakaf.

Di Negeri Sembilan,<sup>34</sup> Wakaf Khas hendaklah disahkan oleh Yang Di-Pertuan Besar atau disaksikan oleh dua orang saksi Islam yang telah dewasa. Sementara di negeri Melaka dan Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang,<sup>35</sup> pengesahan wakaf perlu dibuat oleh Yang Di-Pertuan Agung secara bertulis. Manakala di negeri Kelantan, Kedah dan Perlis, pengesahan Wakaf Khas hendaklah dibuat secara bertulis oleh Sultan. Wakaf juga dianggap sah menurut undang-undang jika hanya disaksikan oleh dua orang saksi dimana salah seorang daripadanya ialah Pegawai Masjid dan seorang lagi Pegawai Daerah atau Penghulu Kampung dalam kawasan yang sama dengan orang yang membuat wakaf itu.

## Kesalahan Menceroboh Harta Wakaf

Peruntukan hukuman dan jenis-jenis kesalahan yang berkaitan dengan harta wakaf berbeza di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain. Seseorang yang menceroboh atau secara haram menduduki sesuatu harta wakaf atau mengambil sebarang hasil wakaf,<sup>37</sup> dianggap melakukan kesalahan jenayah dan jika sabit kesalahan dia boleh dijatuhkan hukuman menurut peruntukan dalam enakmen-enakmen berkenaan. Di Johor, kesalahan sedemikian boleh dijatuhi hukuman tidak lebih dari seribu ringgit atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali.<sup>38</sup> Manakala di Terengganu hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>39</sup>

Sementara di Negeri Sembilan, Melaka dan Sarawak hukuman yang diperuntukkan ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.<sup>40</sup>

### Nota Kaki

1. Surah *al-Hajj* ayat 77 yang bermaksud: “..... kerjakanlah amal-amal kebajikan supaya kamu berjaya di dunia dan di akhirat”, dan surah *Ali-Imran* ayat 92 yang bermaksud: “Kamu sekali-kali tidak akan dapat mencapai hakikat kebajikan dan kebajikan yang sempurna sebelum kamu berikan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi”
2. Sebagai contoh, sabda Rasulullah (s. 'a.w.) dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (r.a) yang bermaksud: “Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia maka terputuslah semua amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah amal jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya”. Rujuk Imam Abu al-Husaini Muslim bin al-Hajjaj al-Qusairi al-Naisaburi, *Muslim al-Jami 'al-Sahih*, Jil3. Kaherah, h. 73.
3. Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1992). Lihat hh. 2-11 dan 39-62.
4. Misalnya mewakafkan harta yang tidak disayangi seperti tanah paya, kubur, keluasan terhad yang sukar untuk dibangunkan dan seumpamamnya.
5. (Bil. 14/1978), s. 41
6. Enakmen Johor juga memberi tafsiran tentang Wakaf Am dan Wakaf Khas. Lihat Enakmen Johor (Bil. 14/1978), s. 41
7. Rujuk Majlis Islam (Incorporation) Ordinance, Sarawak, Cap. 105 (Pindaan) (Bil. 11/1984), s. 2; Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Kedah (Bil. 9/1962), s. 2; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang (Bil. 3/1959), s. 2; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis (Bil. 3/1964), s. 2; Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Terengganu (Bil. 12/1986), s. 2; Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Sabah (No. 13/1992); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang (Bil. 3/1991), s. 2;

Enakmen Undang-undang Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Bil. 2/1966), s. 2 dan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor (Bil. 3/1952), s. 2.

8. Rujuk Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 (2)(3)(5).
9. Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai Dua-Senarai Negeri.
10. Rujuk Enakmen Johor (Bil.14/1978), s.44(1) dan Kaedah-kaedah Wakaf Wakaf Johor 1983, s.15(2); Enakmen Kelantan (Bil.2/1966) s.20; Enakmen Perlis (Bil.3/1964), s.64(1); Enakmen Terengganu (Bil.12/1986), s.143; Enakmen Pahang (Bil.3/1991), s.70; Enakmen Sabah (No.13/1992), s.45; Enakmen Perak (Bil.2/1992), s.74; Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Melaka (Bil.5/91), s.37(2); Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sembilan (Bil.1/1991), s.56(2); Enakmen Pulau Pinang (Bil.3/1959), s.89(2); Enakmen Kedah (Bil.9/1962), s.90(2); Enakmen Selangor (Bil.3/1952), s.95(1); Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1992, s.61.
11. Lihat misalnya, Akta Wilayah Persekutuan, s.62(1)(2); cf. Enakmen Melaka (Bil.5/1991), s.38 dan Enakmen Pulau Pinang (Bil.3/1959), s.90(1).
12. Enakmen Johor (Bil.14/1978), s.43
13. Lihat Enakmen Sabah (No.13/1992), s.46(1); Enakmen Selangor (Bil.3/1952), s.96(1); Enakmen Pahang (Bil.3/1991), s.71(1); Enakmen Terengganu (Bil.12/1986), s.144(1); Enakmen Perak (Bil.2/1992), s.77(1); Enakmen Perlis (Bil.3/1964), s.66(1)(2)(3); Enakmen Negeri Sembilan (Bil.1/1991), s.57(1); Enakmen Kelantan (Bil.2/1966) s.21(1) dan Enakmen Pulau Pinang (Bil.3/1959), s.57(1);
14. Lihat Enakmen Sabah (No.13/1992), s.49(4); Enakmen Perak (Bil.2/1992), s.78(4) dan Enakmen Pulau Pinang (Bil.3/1959), s.93 (4).
15. Enakmen Sabah (No.13/1992), s.50; Enakmen Perak (bil.2/1992) s.81 dan Akta Wilayah Persekutuan 1992, s.66.
16. Lihat Enakmen Terengganu (Bil.12/1986), s.147(4).
17. Enakmen Perlis (Bil.3/1964), s.67(1)(2) dan Enakmen Pulau Pinang (Bil.3/1959), s.60(4).
18. Enakmen Negeri Sembilan (Bil.1/1991), s.60(4) dan Enakmen Melaka (Bil.5/1991), s.41(3).
19. No.56/1966, ss.4(1)(2) dan 8(1). Akta ini dikuatkuasakan pada 1 Januari 1967 melalui Warta P.U.475/1966.
20. Ibid , s.2
21. Akta 171, s.2.
22. Lihat sebagai contoh, Enakmen Perak (Bil.2/1992), s.72(2).
23. Ordinan Sarawak (Pindaan) Bil.11/1984), s.94(1); Akta Wilayah Persekutuan 1992.

- s.60(1); Enakmen Negeri Sembilan (Bil.1/1991), s.55(1); Enakmen Selangor (Bil.3/1952), s.94(1); Enakmen Johor (Bil.14/1978), s.26(1); Enakmen Melaka (Bil.5/1991), s.36(1); dan Enakmen Sabah (Bil.13/1992), s.43(1).
24. Pengelola Wakaf Negeri juga memegang jawatan Yang Di-Pertua Jabatan Agama Johor.
  25. Nazir Wakaf Negeri adalah juga memegang jawatan Kadi Besar.
  26. Rujuk Kaedah-kaedah Wakaf Johor (1983), s.16(1); Enakmen Kelantan (Bil.2/1966) s.22(1); Enakmen Perlis (Bil.3/1964), s.45(1); Enakmen Pahang (Bil.3/1991), s.73(1); Enakmen Sabah (No.13/1992), s.47(1); Enakmen Perak (Bil.2/1992), s.78(1); Enakmen Melaka (Bil.15/91), s.39(1); Enakmen Negeri Sembilan (Bil.1/1991), s.58(1); Enakmen Pulau Pinang (Bil.3/1959), s.91(1); Enakmen Kedah (Bil.9/1962), s.92(1); Enakmen Selangor (Bil.3/1952), s.97(1); Akta Pentadbiran Wilayah Persekutuan 1992, s.63(1).
  27. Enakmen Melaka (Bil.5/1991), s.43(4); Enakmen Johor (Bil.14/1978), s.45(1).n
  28. Rujuk Enakmen Johor (Bil.14/1978), s.45(2); Enakmen Kelantan (Bil.2/1966) s.21(1); Enakmen Pahang (Bil.3/1991), s.71(2)(3)\*; Enakmen Sabah (No.13/1992), s.46(1); Enakmen Perak (Bil.2/1992), s.77(1); Enakmen Negeri Sembilan (Bil.1/1991), s.57(2); Enakmen Selangor (Bil.3/1952), s.96(1); Akta Pentadbiran Wilayah Persekutuan 1992, s.62(2); Enakmen Terengganu (Bil.12/86), s.144(2).
  29. Enakmen Johor (Bil.14/1978), s.47.
  30. Enakmen Johor (Bil.14/1978), s.46
  31. Enakmen Pahang (Bil.3/1991), s.73(2); Enakmen Selangor (Bil.3/1952), s.97(2).m
  32. Enakmen Perak (Bil.2/1992), s.78(2),
  33. Enakmen Sabah (No.13/1992), s.47(2).
  34. Enakmen Negeri Sembilan (Bil.1/1991), s.58(2).
  35. Enakmen Melaka (Bil.5/1991), s.39(2); Akta Wilayah Persekutuan 1992, s.63(2) dan Enakmen Pulau Pinang (Bil.3/1959), s.91(2).
  36. Enakmen Kelantan (Bil.2/1966), s.22(2); Enakmen Kedah (Bil.9/1962), s.92(2) dan Enakmen Perlis (Bil.3/1964), s.91(2).
  37. Ini termasuklah mendirikan apa-apa bangunan, menanam, memajak, menebang atau mengeluarkan apa-apa hasil dan seumpamanya.
  38. Enakmen Johor (Bil. 18/1978), s. 50(1)
  39. Enakmen Terengganu (Bil. 12/1986), s. 214
  40. Enakmen Kesalahan Syariah Melaka (Bil.6/1991), s.78; Enakmen Jenayah Negeri Sembilan (Bil.4/1992), s.110; Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak (Bil.6/1991, s.39.